

BULETIN JKR KELANTAN

NO.14, JALAN KUALA KRAI, BANDAR KOTA BHARU,
15050 KOTA BHARU, KELANTAN
SAFAR 1441H | OKTOBER 2019 | EDISI 10



Tahniah!

**BAHAGIAN
PENGURUSAN
KORPORAT JKR
KELANTAN**

JOHAN

**Kategori Inovasi Pengurusan
Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
(AIICT)**

KANDUNGAN

- LAWATAN PENSYARAH POLITEKNIK KE JKR KELANTAN UNTUK MEMANTAU PERKEMBANGAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI
- SESI PENILAIAN ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM NEGERI KELANTAN BAGI KATEGORI ANUGERAH INOVASI (AIICT) TAHUN 2019/1441H DI BILIK GERAKAN NEGERI, KOTA DARUL NAIM, KOTA BHARU
- MAJLIS PELANCARAN PROGRAM EKSA DIY JKR NEGERI KELANTAN DI RUMAH PUSPANITA
- MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) PASIR MAS KELANTAN
- MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN LEBUHRAYA KOTA BHARU KE KUALA KRAI
- MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MENAMBAHBAIK HIASAN DALAMAN & KERJA-KERJA YANG BERKAITAN BAGI WAD DIRAJA HPRZ II, KOTA BHARU, KELANTAN
- PELAKSANAAN EKSA DIY PERINGKAT IBU PEJABAT JKR NEGERI KELANTAN TAHUN 2019: GOTONG-ROYONG EKSA DIY DI KAWASAN KOMPLEKS IBU PEJABAT JKR NEGERI KELANTAN.
- PROGRAM EKSA DIY JKR KELANTAN DI RUMAH PUSPANITA JKR KELANTAN
- MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI SEKTOR AWAM NEGERI KELANTAN 2019.
- SAMBUTAN HARI INOVASI KEMENTERIAN KERJA RAYA 2019 "WARGA INOVATIF, ORGANISASI PRODUKTIF"

SIDANG REDAKSI

KETUA PENGARANG

Ir. Haji Nik Soh Bin Yaacoub
Jurutera Awam Penguasa
Bahagian Pengurusan Korporat

AHLI JAWATANKUASA BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

Ir. Nurmawaddah Binti Mohd Idris
Jurutera Awam Kanan (J48)

Puan Haslinda Binti Ahmad
Jurutera Awam (J41)

Encik Mohd Ikhwan Bin Mohd Bustaman
Penolong Jurutera Awam Tertinggi (JA38)

Puan Farah Syazana Binti Che Noh
Penolong Jurutera Awam (JA36)

Puan Nik Suhaila Binti Nik Mat
Penolong Jurutera Awam (JA36)

Encik Shukri Bin Hasan
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Ismail Bin Ab. Rahman
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Cik Nudrasafini Binti Mohamad
Penolong Jurutera Awam (JA29)

Encik Mohd Shamsul Azman Bin Manaf
Penolong Pegawai IT (FA29)

Puan Rossfariza Binti Ibrahim
Pembantu Tadbir (N22)

Cik Robyattul Hadawiyah Binti Shuhami
Juruteknik Komputer (FT19)

Encik Mohamad Syazwan Bin Mohamad Safizul
Juruteknik Komputer (FT19)

Encik Saiful Bahri Bin Md. Yusoff
Pembantu Operasi (N11)

Encik Syahizad Bin Mohd Zahari
Pembantu Awam (H11)

07 OKTOBER 2019

**Lawatan Pensyarah Politeknik ke
JKR Kelantan untuk memantau
perkembangan pelajar Latihan Industri.**



08 OKTOBER 2019

**Sesi Penilaian Anugerah Inovasi Sektor Awam
Negeri Kelantan bagi Kategori Anugerah
Inovasi (AllCT) Tahun 2019/1441H di
Bilik Gerakan Negeri, Kota Darul Naim, Kota
Bharu**





Majlis Pelancaran Program EKSA DIY JKR Negeri Kelantan di Rumah Puspanita.

JKR KELANTAN, 09 Oktober 2019 - Bahagian Pengurusan Korporat telah mengadakan Majlis Pelancaran Program EKSA DIY Peringkat JKR Negeri Kelantan bertujuan untuk memberi pendedahan yang lebih meluas kepada pegawai dan kakitangan JKR. Majlis dirasmikan oleh Tn. Hj Nik Soh Bin Yaacoub selaku Penaung EKSA DIY JKR Negeri Kelantan. Majlis telah diadakan di Bangunan Puspanita JKR Kelantan. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu "Negaraku" dan lagu Negeri Kelantan "Selamat Sultan". Acara turut diselangi dengan bacaan doa, ucapan perasmian oleh Tn. Hj Nik Soh Bin Yaacoub, Gimik Pelancaran EKSA DIY Peringkat Ibu Pejabat JKR Negeri Kelantan 2019, sesi bergambar dan makan pagi.




16 OKTOBER 2019
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN IBU
PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) PASIR MAS KELANTAN



PASIR MAS, 15 Oktober 2019 – Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan telah mengadakan Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis (IPD) Pasir Mas, Kelantan pada 15 Oktober 2019 (Isnin). Majlis mula berlangsung pada 10.00 pagi. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh YBrs. Ir. Hj. Dzarif Bin Yaacob selaku Pengarah Cawangan Kerja Keselamatan Ibu Pejabat JKR Malaysia dan Ir. Nik Manan Bin Wan Abdul Majid selaku Jurutera Awam Penguasa Kanan Pasukan Projek Persekutuan JKR Kelantan. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada YBhg. Dato' Hj. Dusuki Bin Ya'acoub selaku Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Dalam Negeri. Ucapan tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat khususnya Pasukan Projek Persekutuan JKR Kelantan sebagai wakil Pegawai Penguasa dan kepada pihak kontraktor Mansashi Sdn. Bhd serta semua pihak yang terlibat serta individu sama ada secara langsung atau tidak dalam menyiapkan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Mas, Kelantan. Kemudian majlis diteruskan lagi dengan tandatangan sijil penyerahan projek dan juga penyerahan kunci oleh Ir. Nik Manan Bin Wan Abdul Majid selaku Jurutera Awam Penguasa Kanan Pasukan Projek Persekutuan JKR Kelantan kepada YBhg. Dato' Hj. Dusuki Bin Ya'acoub selaku Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Dalam Negeri.





KETEREH, KELANTAN, 20 OKTOBER 2019 – Pengguna jalanraya di Daerah Kota Bharu, Kelantan kini mempunyai laluan alternatif yang mampu menjimatkan masa perjalanan dan kos bahan api kenderaan apabila jajaran Kadok ke Ketereh, Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 6.85 kilometer(km) dibuka secara rasminya kepada orang ramai. Perasmian pembukaan jajaran ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya. Jajaran ini merupakan laluan yang selari dengan Jalan Persekutuan FT08 sedia ada dan mampu menjimatkan masa perjalanan berbanding laluan asal daripada 20-30 minit kepada 7 minit sahaja (bermula daripada Padang Enggang ke Ketereh).

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN LEBUHRAYA KOTA BHARU KE KUALA KRAI



21 OKTOBER 2019

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MENAMBAHBAIK HIASAN DALAMAN & KERJA-KERJA YANG BERKAITAN BAGI WAD DIRAJA HPRZ II, KOTA BHARU, KELANTAN





21 OKTOBER 2019
PELAKSANAAN EKSA DIY PERINGKAT IBU PEJABAT JKR
NEGERI KELANTAN TAHUN 2019: GOTONG-ROYONG EKSA
DIY DI KAWASAN KOMPLEKS IBU PEJABAT JKR NEGERI
KELANTAN.



28 OKTOBER 2019
Program EKSA DIY
JKR Kelantan Di Rumah Puspanita
JKR Kelantan





KOTA DARULNAIM, 30 Oktober 2019- Terbukti acara tahunan Pejabat SUK Kelantan yang berusia hampir sedekad ini berjaya mencapai objektif sekaligus mencerminkan kepentingan membudayakan kreativiti dan inovasi serta meraikan keberhasilan inovasi oleh agensi-agensinya kerajaan negeri dengan sambutan baik berdasarkan 31 penyertaan yang diterima.

Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) menjuarai kategori Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan dengan projek Pelan Kelulusan Satu Hari manakala Bahagian Pengurusan Korporat Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kelantan melalui projek Tickmats (Proses Kelulusan Bahan Secara E-Sistem) mengungguli kategori Inovasi Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Juara menerima wang tunai RM4000.00 bersama piala pusingan, piala iringan dan sijil penghargaan.



SAMBUTAN HARI INOVASI KEMENTERIAN KERJA RAYA 2019 “WARGA INOVATIF, ORGANISASI PRODUKTIF”



ALOR GAJAH, 31 OKTOBER 2019 - Kementerian Kerja Raya (KKR) sekali lagi menganjurkan program tahunan Hari Inovasi dengan objektif untuk memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga Kerja Raya dan seterusnya memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada warga Kementerian dan agensi yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan organisasi. Majlis yang berlangsung di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE), Jabatan Kerja Raya Malaysia ini, mendukung tema “Warga Inovatif, Organisasi Produktif”.

Tema ini melambangkan komitmen Kementerian dan agensi selaras dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam berasaskan inovasi dan kreativiti. Yang Berbahagia Dato’ Dr Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya telah hadir mewakili Menteri Kerja Raya merasmikan majlis pada hari ini dan seterusnya menyampaikan dua belas (12) hadiah Anugerah Inovasi yang telah dipertandingkan.

Sebanyak sepuluh (10) pemamer menyertai Pameran Hari Inovasi pada hari ini. Pemamer yang terlibat adalah Kementerian Kerja Raya dan agensi – agensi di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Jabatan Kerja Raya, CIDB dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.


ALAMAT IBU PEJABAT



**JABATAN KERJA RAYA
NEGERI KELANTAN**

HUBUNGI KAMI

LAYARI MELALUI TELEFON PINTAR



IMBAS KOD QR DENGAN ALAT MUDAH ALIH ANDA

**IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA NEGERI KELANTAN,
JALAN KUALA KRAI,**

15050 KOTA BHARU, KELANTAN

TEL : 09-7455800 FAX: 09-7462453

EMAIL:JKRKELANTAN@KELANTAN.GOV.MY

